

# Bernama Malay

---

## **KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SUKU-1 KELINGTON NAIK 24 PERATUS KEPADA RM990,000 2012-05-25 11:10:25.278 GMT**

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Kelington Group Bhd meningkat sebanyak 24 peratus kepada RM990,000 bagi tempoh tiga bulan pertama yang berakhir pada 31 Mac, 2012, daripada RM800,000 pada tempoh yang sama tahun lepas.

Pendapatan meningkat sebanyak 38 peratus kepada RM26.7 juta daripada RM19.4 juta sebelumnya.

Syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini berkata peningkatan pendapatan itu adalah hasil sumbangan tinggi daripada operasi di Singapura dan Taiwan, masing-masing sebanyak 37 peratus dan 34 peratus.

Kelington Group, penyedia utama sistem penyediaan gas dan kimia Ultra High Purity, pada 8 Mei, 2012, mengumumkan terbitan bonus satu-bagi-satu bagi memberi ganjaran kepada pemegang sahamnya dan meningkatkan kecairan dagangan.

Pengerusi dan ketua pegawai eksekutifnya Ir Raymond Gan Hung Keng berkata kumpulan itu memperoleh tempahan baharu bernilai RM72 juta tahun ini.

"Ketika ini kami sedang menender projek tempatan dan luar negara bernilai kira-kira RM400 juta dan berdasarkan kepada rekod lepas, Kelington biasanya menikmati kadar kejayaan tender 25 peratus," katanya.

Sebagai sebahagian daripada strategi pertumbuhannya untuk berkembang, Kelington baru-baru ini membeli Puritec Technologies (S) Pte Ltd dari Singapura.

"Pembelian itu membolehkan kami memanfaatkan arus pendapatan tambahan dengan meningkatkan penawaran perkhidmatan kami kepada pelanggan sedia ada kami," kata Gan.

-- BERNAMA  
FBP WGM ZK